

Mahathir tidak buat persediaan untuk berlumba

16 JAN 2005

BEKAS Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau tidak membuat sebarang persediaan untuk memandu kereta Porsche Cayenne pada perlumbaan amal bagi mengutip derma mangsa tsunami di Litar Antarabangsa Sepang (SIC), hari ini.

Katanya, walaupun isterinya, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali agak 'takut' untuk melihatnya me-

mandu kereta berkuasa tinggi itu, beliau tidak kisah kerana pemanduan itu dilakukan untuk berseronok-seronok saja.

"Memang saya ada memandu kereta itu sebelum ini, cuma isteri saya (Dr. Siti Hasmah) tidak mahu ikut kerana dia takut melihat saya memandu, lagipun kalau dia ada nanti dia suruh saya belok kanan... belok kiri... tekan brek...

dan tengok lori belakang.

"Saya pun tidak tahu samaada ada atau tidak penumpang yang mahu naik dengan saya esok kerana biasanya saya memandu kereta sehingga '250' tetapi dalam incilah...", katanya berseloroh hingga membuatkan semua yang hadir pada sidang media tertawa.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita selepas meng-

iringi Dr. Siti Hasmah merasmikan Pusat Rawatan Hemodialisis Felina sumbangan Yayasan EM-KAY di Telok Datuk, dekat Banting, semalam.

Dr. Mahathir akan menjadi 'pemandu' kepada sembilan pembida bertuah dalam satu acara khas bagi mengutip derma untuk mangsa tsunami di SIC yang dijadualkan hari ini.